

## *Penggunaan Strategi Tanya dan Respons Bagi PdP Penulisan*

**Ruhaidah Rahmat**

ruhaidah\_rahmat@schools.gov.sg

**Nuradilah Abdul Wahid**

nuradilah\_abdul\_wahid@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Fengshan**

### *Abstrak*

Dalam pendidikan Bahasa Melayu, penguasaan kemahiran menulis amat penting. Namun murid dalam tahap praaras kebolehan menghadapi cabaran meluaskan isi dalam menulis karangan gambar bersiri. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Strategi Pengajaran Tanya dan Respons (S PTR) dalam menghasilkan sebuah karangan. Strategi Pengajaran Secara Eksplisit juga digunakan untuk mengajar murid-murid menyusun idea secara sistematis, selain daripada rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya bagi membimbing murid meneliti kandungan gambar bersiri secara mendalam. Sampel kajian terdiri daripada lapan orang murid Darjah 5 kelas Bahasa Melayu standard. Dapatkan kajian menunjukkan 88% murid memahami S PTR dengan baik, 88% murid menggunakan S PTR dengan berkesan dan 75% murid dapat meluaskan isi dengan baik. Dapatkan ini menunjukkan S PTR amat berkesan dalam mengajar murid meluaskan isi karangan.

Kata kunci: tanya dan respons, rutin berfikir, sistematis, meluaskan, isi karangan

## PENGENALAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2015, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid. Yahya Othman dan Ahmad Khair Mohd Nor (2005) berpendapat bahawa penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung pada bakat semata-mata, malah dipengaruhi juga oleh pengajaran penulisan yang bersistematik dan berkesan.

Untuk mengajar murid-murid menulis dengan lebih berkesan, guru harus menggunakan pengajaran eksplisit untuk menjelaskan penulisan yang lebih sistematik. Berdasarkan sampel data yang dikumpulkan, kebanyakan murid terutamanya daripada tahap praaras kebolehan menghadapi masalah untuk meluaskan isi karangan.

Oleh itu, rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT) dalam Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible - MTV*) dan Strategi Pengajaran Tanya dan Respons (SPTR) telah diterapkan dalam pengajaran bagi membantu murid untuk berfikir dengan lebih kritis dan bersistematik.

## PERNYATAAN MASALAH

Menulis merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Namun, guru sering mendapati murid di tahap praaras kebolehan tidak berupaya meluaskan isi dalam karangan. Hal ini berlaku kerana keterbatasan murid untuk berfikir secara kritis dan sistematik serta keterbatasan kosa kata untuk meluaskan idea.

Menurut Kamsiah Abdullah (1993), antara kemahiran yang perlu ada dalam penulisan karangan ialah kebolehan menulis mengikut isi dan topik yang sesuai, isi yang mencukupi, idea yang segar dan asli, menjalin perenggan dengan baik, mempunyai pengenalan yang jelas, mampu menggunakan gaya bahasa yang berkesan dan akhir sekali mempunyai penutup yang kemas.

Oleh itu, satu usaha telah dilakukan untuk menggunakan SPTR dan rutin berfikir LFT dalam pengajaran penulisan karangan. Rutin berfikir LFT ialah satu strategi yang dapat membina kemahiran berfikir dalam kalangan murid. SPTR pula digunakan agar dapat membina kemahiran berfikir murid dengan lebih sistematik.



## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid meluaskan isi karangan dengan berkesan dan bersistematis;
2. menilai keberkesanannya penggunaan S PTR dalam pengajaran penulisan; dan
3. mewujudkan budaya berfikir dalam kelas.

## **KAJIAN LEPAS**

Dapatan kajian oleh Ron Ritchhart (2011) sebagai pengkaji utama dalam *Project Zero*, iaitu kajian yang menggunakan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas membuktikan bahawa penggunaan rutin berfikir sangat berkesan dalam membantu proses pemikiran murid dan juga menggalakkan murid untuk memproses informasi secara aktif. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan tahap pemikiran dan peluasan idea murid dengan lebih teratur dan berstruktur.

Dapatan ini diperkuuhkan lagi oleh pandangan Cox dan Abbott (2004), yang bersepakat bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara terancang, berstruktur dan bersesuaian mampu meningkatkan kecekapan serta merangsang minat murid dalam pembelajaran. Namun untuk meraih manfaat secara maksimum dan berkesan, guru harus bijak menggabung jalin kemahiran yang hendak dipupuk dalam diri murid dengan strategi pembelajaran yang sesuai.

Berdasarkan kajian lepas, beberapa orang guru di Singapura juga telah membuat kajian mengenai keberkesanannya rutin berfikir di sekolah. Antaranya ialah Farrah Mohamed Ghazali (2015). Kajiannya menggunakan rutin berfikir sebagai wahana pencetus intelek dan pembuka minda. Rutin berfikir ini telah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Menengah 1 hingga 3. Berdasarkan kajian yang dijalankan, tahap pemikiran dan peluasan idea pelajar dapat dipertingkat.

Nurul Ain Mohamed Amin dan Farhati Kamsani (2016) pula menjalankan kajian yang melibatkan murid-murid Darjah 4 bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Penggunaan rutin berfikir LFT telah membantu murid-murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) telah menerbitkan bahan Penulisan Karangan Gambar Bersiri (2018). Salah satu strategi yang

disarankan adalah strategi Tanya dan Respons, iaitu penggunaan 5W1H. Bahan yang disediakan ini membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih sistematik dan berstruktur. Pelbagai templat juga disediakan bagi membolehkan murid merancang penulisan mereka. Oleh itu, kajian ini akan menerapkan strategi yang disarankan oleh MLCS.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan S PTR agar murid dapat melihat hubungan soalan 5W1H atau ‘apa-siapa-bila-mana-mengapa-bagaimana’ untuk memahami kandungan gambar bersiri. Strategi ini membantu murid menyusun dan meluaskan isi dalam penulisan naratif yang melibatkan watak, latar, peristiwa dan plot serta kesudahan cerita.

Bagi mencapai objektif pengajaran ini, rutin berfikir yang diutarakan oleh Ritchhart, Church dan Morrison (2011) telah dilaksanakan sebagai instrumen kajian. Rutin berfikir LFT tergolong dalam kelompok rutin untuk menjana idea secara lebih mendalam.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan Pengajaran Secara Eksplisit yang dikemukakan oleh Rosenshire (1985) agar pengajaran lebih berstruktur dan sistematik. Pengajaran secara eksplisit ini terdiri daripada lima peringkat iaitu peringkat pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup.

Guru juga menerapkan eleman Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam PdP penulisan ini. Sila rujuk Jadual 1.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat  AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Guru menggunakan imejan dalam induksi pengajaran untuk merangsang minat murid dalam PdP penulisan.  AM5: Menggunakan Penyusun Grafik Guru menggalakkan murid mencatat pandangan mereka di penyusun grafik LFT yang secara tidak langsung menjadi log pembelajaran bersama. Guru akan mengambil pandangan murid yang dicatatkan dalam penyusun grafik LFT tersebut sebagai idea tambahan dalam bahagian pengajaran seterusnya.

Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pembelajaran dan Memberi Maklum Balas	AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja  Guru memberikan borang refleksi untuk mendapatkan maklum balas murid tentang kebolehan mereka menggunakan SPTR dalam peluasan isi karangan.
Penerangan dan Justifikasi	Guru menggunakan aspek pengajaran merangsang minat dengan menunjukkan imejan kerana ingin merangsang murid secara visual. Dengan cara ini murid dapat meluaskan isi karangan dengan lebih tersusun apabila diikuti dengan penyusun grafik LFT. Guru memantau keberkesanannya dengan mendapatkan maklum balas murid dalam borang refleksi dan secara informal dengan meminta murid memberi komen semasa pembelajaran.	

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 5 yang berada dalam tahap praaras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah lapan orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran menulis murid dalam meluaskan isi dalam penulisan karangan gambar bersiri.

## Instrumen Kajian

Murid akan dinilai dari segi penulisan menggunakan templat 5W1H atau ‘apa-siapa-bila-mana-mengapa-bagaimana’ serta jawapan secara lisan. Pemerhatian guru terhadap sikap dan penerimaan murid juga diambil kira dalam kajian ini. Selain itu, tugas secara kendiri yang diberikan dapat memantau kemampuan murid menjana idea untuk meluaskan isi karangan.

Untuk mencapai tujuan ini, borang refleksi digunakan agar guru dapat memantau dan mengenal pasti prestasi murid. Maklum balas yang dikumpulkan boleh digunakan oleh guru sebagai bahan rujukan untuk mengubah suai rancangan pengajaran demi mencapai objektif pengajaran.

## Prosedur Kajian

Kajian ini dilakukan selama sehari dan mengambil masa lebih kurang dua jam. Dalam induksi pengajaran, guru menggunakan imejan untuk melibatkan murid dalam sesi perbincangan yang akan dijalankan. Murid diminta memberikan pandangan mereka mengenai imejan tersebut dengan menggunakan rutin berfikir LFT. Guru akan menulis pandangan murid pada penyusun grafik LFT di dalam templat bersaiz A3 yang secara tidak langsung menjadi log pembelajaran bersama. Guru mengambil pandangan murid yang dicatatkan

dalam penyusun grafik LFT tersebut sebagai idea tambahan dalam bahagian pengajaran seterusnya.

Selain itu, perancangan karangan yang melibatkan strategi 5W1H digunakan ketika aktiviti modeling (*I do*) dijalankan. Dalam aktiviti tersebut, guru menerangkan dengan jelas bagaimana templat perancangan karangan 5W1H itu diisikan berdasarkan gambar bersiri yang diberikan (gambar 1). Guru mulakan dengan mengisi bahagian kosa kata yang diikuti dengan bahagian tanya jawab dan diakhiri dengan pembinaan perenggan dengan menggunakan kedua-dua bahagian yang telah diisi tadi berdasarkan gambar bersiri tersebut. Selepas aktiviti modeling, guru akan mengadakan perbincangan bersama murid dengan menggunakan gambar bersiri seterusnya (gambar 2) di mana murid dan guru mengisikan templat perancangan 5W1H bersama-sama (*We do*). Kali ini, guru menggunakan idea yang murid kongsikan tadi sewaktu induksi sebagai tambahan kepada kosa kata dalam templat perancangan 5W1H. Langkah seterusnya, murid diminta melengkapkan templat perancangan 5W1H secara individu (*You do*) bagi gambar 3, 4 dan 5. Setelah selesai tugas individu, guru menggunakan hasil kerja murid untuk membuat perbandingan isi. Guru menegaskan tentang kepentingan strategi 5W1H dalam peluasan isi karangan yang dapat membezakan antara karangan yang mempunyai peluasan isi dengan karangan yang isinya tidak dikembangkan.


Pada akhir pengajaran, murid diberikan borang refleksi untuk mendapatkan maklum balas murid tentang kebolehan mereka dalam penggunaan STPR dalam peluasan isi karangan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan berdasarkan pemerhatian guru dan respons murid, murid berasa lebih yakin meluaskan isi karangan mereka dengan menggunakan templat perancangan karangan 5W1H.

Setelah guru menjalankan aktiviti modeling, murid dapat meneliti penggunaan STPR dalam peluasan isi karangan mereka. Murid dapat memberikan kosa kata yang sesuai berdasarkan gambar bersiri kepada guru dan menggunakan pula apabila menjawab soalan-soalan yang diajukan di bahagian Tanya dan Respons di dalam templat. Seterusnya, murid dapat membina beberapa potong ayat dalam satu perenggan bersama guru dengan menggunakan jawapan-jawapan yang dijana sewaktu perbincangan tadi. Lihat respons murid dalam Jadual 2 berdasarkan Rajah 1 di bawah ini. Contoh latihan bersama (*We do*):

Rajah 1: Gambar bersiri Nombor 2



Jadual 2: Respons Murid Berdasarkan Gambar 2

Kosa Kata (Kata Nama/ Kata Kerja/ Kata Adjektif)				
terkena kepala	sampah	jatuh		
terkejut	ibu dan anak	menangis		
Strategi Pengajaran Tanya dan Respons				
Apakah? (kejadian yang berlaku)	ranting pokok terkena kepala budak kecil			
Siapakah? (watak)	Puan Siti, Nurul			
Bilakah? (peristiwa berlaku)	apabila sedang berjalan, sewaktu pulang dari pasar			
Mengapakah? (sebab perkara berlaku)	kerana Puan Lim membuang ranting pokok ke bawah dengan sembarangan			
Bagaimanakah? (perasaan/ keadaan/ suasana)	berasa terkejut, berasa sakit, kelam-kabut			
Di manakah? (tempat kejadian)	di kolong blok			
Perenggan Karangan				
Puan Siti dan Nurul sedang berjalan di kolong blok. Mereka baru sahaja pulang dari pasar. Tiba-tiba, Nurul menangis dengan kuat. Rupa-rupanya, kepalanya terkena ranting pokok yang dibuang oleh Puan Lim dari tingkat dua. Puan Siti berasa terkejut. Kepala Nurul berasa sangat sakit. Keadaan mula menjadi kelam-kabut.				

Langkah selanjutnya, murid menjalankan aktiviti melengkapkan templat perancangan 5W1H secara individu (*You do*). Murid memberikan kosa kata dan melengkapkan bahagian Tanya dan Respons templat tersebut berdasarkan gambar 3, 4 dan 5 pula. Seterusnya, murid menulis beberapa potong ayat dalam satu perenggan menggunakan idea yang dicatatkan dalam templat tersebut. Lihat respons murid berdasarkan Rajah 2 dalam Jadual 3 di bawah ini.

**Rajah 2: Gambar bersiri Nombor 3-5**



**Jadual 3: Penggunaan Strategi Pengajaran Tanya dan Respons  
Dalam Peluasan Isi Karangan**

Murid	Gambar	Respons bagi Tanya dan Respons	Respons bagi Menulis Perenggan Karangan
1	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Puan Siti melihat siapakah yang mencampak ranting pokok itu</li> <li>b. Puan Lim, Puan Siti, Nurul</li> <li>c. bila mereka pulang ke rumah</li> <li>d. kerana Puan Lim mencampak ranting pokok ke kepala Nurul</li> <li>e. berasa marah, bingit, bising</li> <li>f. di bawah blok</li> </ul>	<p><b>Puan Siti melihat siapakah mencampak ranting pokok itu.</b> Nurul menunjukkan ke arah Puan Lim kepada Puan Siti. Puan Siti <b>berasa marah dan bingit</b> kepada Puan Lim. Puan Siti dan Lim <b>sangat bising</b> dari atas dan <b>di bawah blok</b> sebab <b>Puan Lim mencampakkan ranting pokok ke kepala Nurul.</b> Nurul dan Puan Siti mahu pulang ke rumah dengan cepat.</p>
	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. mereka bergaduh</li> <li>b. Puan Lim, Puan Siti, Nurul</li> <li>c. semasa Puan Lim turun</li> <li>d. kerana Puan Lim ada buat yang salah</li> <li>e. berasa marah / bingit / bising</li> <li>f. bawah blok</li> </ul>	<p>Puan Lim dan Puan Siti sedang <b>bergaduh</b> di bawah blok. Puan Lim turun dan mengambil ranting pokok itu untuk memukul Puan Siti. Dia <b>berasa marah dan bingit</b> kerana <b>Puan Lim ada buat yang salah.</b> Berlaku itu ialah di Bedok yang sangat bising <b>di bawah blok.</b></p>


2	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Puan Siti dan Puan Lim sedang berkelahi</li> <li>b. Puan Lim, Puan Siti, Nurul</li> <li>c. bila Puan Lim pokok rantingnya terkena kepala Nurul</li> <li>d. kerana Nurul berasa sakit</li> <li>e. marah</li> <li>f. di luar koridor rumah Puan Lim</li> </ul>	<p><b>Selepas pokok ranting Puan Lim terkena kepala Nurul, Puan Siti dengan marah pergi ke luar koridor Puan Lim dan menjerit namanya. Puan Siti ternampak Puan Lim dan mereka pun berkelahi.</b> Mereka berkelahi kerana pokok rantingnya itu tajam dan <b>Nurul pun berasa sakit.</b></p>
	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. emak Puan Siti berhentikan berkelahi itu</li> <li>b. Puan Lim, emak Puan Lim, Puan Siti</li> <li>c. bila Puan Lim dan Puan Siti sedang berkelahi</li> <li>d. kerana mereka membuat bising, emak Puan Lim takut kerana mereka mungkin akan luka</li> <li>e. takut, bising</li> <li>f. di luar rumah Puan Lim</li> </ul>	<p>Puan Siti dan Puan Lim <b>sedang membuat banyak bising</b> dan <b>emak Puan Lim pun berhentikan berkelahi</b> itu <b>di luar rumah Puan Lim.</b> Emak Puan Lim berhentikan berkelahi mereka kerana dia <b>berasa takut yang mungkin mereka akan luka.</b> Perasaan emak Puan Lim pun <b>takut</b> dan keadaan ini pun sibuk.</p>
3	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Puan Siti marah dengan Puan Lim</li> <li>b. Puan Siti, Nurul, Puan Lim</li> <li>c. semasa Nurul di dalam kesakitan</li> <li>d. kerana Puan Lim membuang ranting pokok sembarangan dan terkena kepalanya</li> <li>e. berasa marah, sakit, bising</li> <li>f. di kolong blok</li> </ul>	<p>Puan Siti menjadi <b>marah</b> dengan Puan Lim <b>kerana ranting pokok terkena kepala Nurul dan dia dalam kesakitan.</b> Puan Siti ternampak Puan Lim. Puan Siti bermula menjerit ke Puan Lim. Suasana situ sudah menjadi <b>bising.</b> Nurul menangis dengan kuat.</p>



	5	<p>a. wanita berhentikan berkelahinya</p> <p>b. Puan Lim, Puan Siti, Nek Temah</p> <p>c. semasa berkelahi</p> <p>d. kerana perbuatannya buruk</p> <p>e. bising sedikit, ada sedikit orang</p> <p>f. di kolong blok</p>	<p><b>Semasa dalam berkelahi,</b> Nek Temah ternampak berkelahi. <b>Dia tahu perbuatannya yang berlaku buruk.</b> Dia <b>berhentikan berkelahi</b> Puan Siti dan Puan Lim. Ada <b>sedikit orang</b> masih di kolong blok kerana mereka hendak tahu mengapa mereka berkelahi. Puan Lim dan Puan Siti masih <b>bising sedikit.</b></p>
--	---	--	--

Dapatan kajian ini dirumus berdasarkan data kuantitatif menerusi ujian peperiksaan karangan yang dijalankan pada Semester 1 dan 2. Dapatan hanya memberikan tumpuan kepada isi karangan. Berdasarkan dapatan ini, 62% daripada murid-murid yang menjalani kajian ini menunjukkan peningkatan markah dalam bahagian isi karangan. Ini dapat dilihat dalam Rajah 3 yang menunjukkan perbandingan markah murid dalam bahagian isi karangan bagi ujian SA1 dan SA2.

**Rajah 3: Perbandingan Pemarkahan Bahagian Isi Karangan dalam Ujian SA1 dan SA2**



Selain itu, pemantauan dan pemerhatian guru serta respons murid ketika proses pembelajaran juga diambil kira. Berdasarkan pemantauan guru dan respons terbuka murid, dapat disimpulkan bahawa murid mudah mengikuti pembelajaran peluasan isi karangan menggunakan SPTR. Penggunaan alat bantu mengajar seperti templat perancangan 5W1H telah membuat murid berasa lebih yakin meluaskan isi karangan mereka. Selain itu, nilai-nilai positif

seperti bekerjasama juga dapat dilihat ketika murid melibatkan diri dalam perbincangan bersama guru dan rakan-rakan sekelas.

Berdasarkan borang refleksi murid, guru berupaya menilai keberkesanannya SPTR dalam peluasan isi karangan gambar bersiri. Dapatkan kajian menunjukkan 88% murid memahami SPTR dengan baik, 88% murid menggunakan SPTR dengan berkesan, 75% murid dapat meluaskan isi dengan baik. Dapatkan ini menunjukkan SPTR amat berkesan untuk mengajar murid meluaskan isi karangan.

#### **Jadual 4: Respons Murid Tentang Penggunaan Strategi Pengajaran Tanya dan Respons**

Item	Sangat Boleh %	Boleh %	Hampir Boleh %	Masih Mencuba %
Saya boleh ...				
1. Memahami Strategi Pengajaran Tanya dan Respons	12.5 (1)	75.0 (6)	0	12.5 (1)
2. Menggunakan Strategi Pengajaran Tanya dan Respons dengan sistematis	12.5 (1)	75.0 (6)	0	12.5 (1)
3. Meluaskan isi dengan baik	0	75.0 (6)	25.0 (2)	0

Dapatkan ini menunjukkan murid berjaya menjana idea untuk meluaskan isi karangan dengan lebih berstruktur dan berkesan.

## **KESIMPULAN**

SPTR yang diterapkan dalam PdP penulisan karangan mampu memberikan keberkesanannya dalam menjana pemikiran murid secara kritis dan sistematis. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa SPTR yang digunakan dapat membantu murid dalam proses pembelajaran menggunakan templat 5W1H dengan lebih efektif dalam peluasan isi karangan.

Penggunaan templat 5W1H yang efektif dapat membantu murid meluaskan isi karangan mereka dengan lebih jelas. Peringkat modeling dalam pengajaran secara eksplisit juga membuat konsep yang diajar menjadi lebih jelas dan berstruktur. Justeru, guru perlu memainkan peranan yang aktif sebagai fasilitator ketika sesi perbincangan dan soal jawab agar dapat menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam dalam kalangan murid dan

menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan interaktif di dalam bilik darjah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Rosela Hashim
2. Fauziah Muhamad Fadzillah

## RUJUKAN

Cox, M. J. and Abbott, C. (Eds) (2004), *ICT and Attainment – A Review of the research literature*. Coventry, Becta/London, DfES.

Farrah Mohamed Ghazali (2015). Rutin berfikir: Pencetus Intelek, Pembuka Minda dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Memperelok Budi Memperindah Bahasa, hlm. 417-429. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Kamsiah H. Abdullah (1993). Karangan naratif dan laporan-satu kajian tentang matlamat fungsional dan prestasi pelajar sekolah menengah di Singapura. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37(6), 484-493.

Nur Ain Mohamed Amin dan Sadhana Yusop (2016). Penggunaan rutin berfikir dan iMTL untuk menggalakkan pembelajaran kendiri dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menjana Inovasi Memarak Inspirasi, hlm. 429-440. Pusat Bahasa Melayu Singapura: Oxford graphic

Othman Yahya (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong, Pahang: PTS Professional Publishing.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri*. Singapura: Oxford Graphic Plte Ltd.

Ritchart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making Thinking Visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass

Ron Ritchhart (2015). *Creating Cultures of Thinking*. USA:Wiley Imprint

Rosenshine, B. (1985). Direct instruction. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.), *International Encyclopedia of Education* (Vols. 1-10, Vol. 3). Oxford: Pergamon Press